

RQFII

bangunkan pasaran renminbi

KUALA LUMPUR 24 Nov.

- Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia mengalu-alukan pengumuman People's Bank of China (PBC) untuk memberi kuota agregat sebanyak RMB50 bilion (RM33.7 bilion) kepada Malaysia.

BNM berkata, kuota itu berikutan peluasan program Pelabur Institusi Asing Renminbi yang Layak (RQFII).

Katanya, ia merupakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha Malaysia memperluas kerjasama dengan China dan akan melengkapkan pengaturan bank penjelasan renminbi di Malaysia.

"Inisiatif ini secara bersama akan menyokong aliran perdagangan, pelaburan dan kewangan yang semakin meningkat antara China dengan Malaysia serta meletakkan Malaysia sebagai sebuah pusat renminbi luar pesisir di rantau ini.

"Dengan adanya rangka kerja ini, institusi Malaysia yang layak akan boleh menggembleng dana renminbi luar pesisir untuk mendapat pendedahan langsung kepada pasaran kewangan China dan menyumbang kepada pembangunan pasaran renminbi di Malaysia," katanya dalam kenyataan bersama di sini hari ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan terus bekerjasama dengan Suruhanjaya Kawal Selia Sekuriti China untuk melaksanakan program RQFII.